

Ulasan Buku/*Book Review*

Jesus Adalah Muslim?. Oleh Jaafar Siddiq (Dyayadi, M.T @ Muhammad Jaya). 2013. Batu Caves: PTS Millenia Sdn. Bhd., 166 halaman, ISBN 978-967-411-031-4 dan Harga RM15.00. Ulasan oleh Yusri Mohamad Ramli.

Jaafar Siddiq atau nama sebenarnya (Drs.) Dyayadi, M.T atau Muhammad Jaya ialah seorang penulis prolific yang dilahirkan di kota Tarakan, Kaltim, Indonesia pada tanggal 28 Julai 1966. Beliau pernah belajar di Fakulti Ekonomi, University of Mulawarman. Beliau juga menamatkan pendidikan formal di APDN Samarinda pada tahun 1990, Sekolah Tinggi Ilmu Administrasi Lembaga Administrasi Negara (STIA-LAN) Makassar pada tahun 1997 dengan pangkat cemerlang *Summa Cum Laude* serta menamatkan Sarjana di Magister Perencanaan Kota & Daerah (MPKD), Fakultas Teknik Arsitektur di Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, Indonesia pada tahun 2000.

Walaupun beliau tidak pernah mendapat pendidikan agama Islam secara formal, sama ada di pondok pesantren atau di sekolah agama, namun beliau berjaya menulis tidak kurang daripada 100 buah buku yang sebahagian besarnya ialah karya-karya berkaitan agama Islam. Beliau hanya mempelajari agama secara sendiri daripada buku-buku koleksi peribadi. Beliau turut mengendalikan penerbitan sendiri bernama Qiyas dan Jaya Media di Indonesia.

Tajuk buku-buku beliau jelas menampakkan keberanian, penuh kontroversi dan berbeza dengan penulis lain. Antara buku karangan beliau ialah *Mengapa Saya Masuk Islam, Kamu Pakaian Isterimu dan Isterimu Pakaianmu, Ternyata ada 100 Asma Al-Husna, Mukjizat dan Khasiat Dahsyat Buah-buahan, Dahsyatnya Keajaiban Sedekah, Mengapa Etnis Tionghoa Masuk Islam, Mengapa para Artis dan Selebritis Memilih Masuk Islam, Dakwah Islam di Negeri Kristen, Islam is My Choice* (Kisah Pastur, Pendeta, dan Biarawati Masuk Islam), *The Power of Syahadat, Benarkah Adam Dilahirkan?, Misteri Penciptaan Hawa, Makhluk Unik dan Ajaib itu Bernama Wanita, Pembunuh Ganas dan Menakutkan itu Bernama Kanker, Ternyata Makanan dan Minuman Anda Mengandung Babi dan Khamar, Aku Ingin Hidup 100 Tahun, Ternyata Nabi Muhammad SAW Tidak Buta Huruf, Mengapa Aku Memilih Blue Jeans daripada Jilbab, Menyingkap Rahasia dan Hikmah Nazar, Ternyata Masuk Surga Itu Mudah, Jangan Samakan Yoga dengan Shalat, Mengungkap Hikmah dan Rahasia Shalat Tasbih, Mengungkap Syarat, Hikmah dan Fadhillah Shalat Taubat,*

Menjadi Kaya dengan Shalat Dhuha, Tuhan... pun Tersenyum dan Tertawa, Pak Hakim sedang Haid dan juga Ternyata Yesus Muslim yang merupakan karya asal bagi buku yang diulas ini dan diterbitkan di Malaysia.

Buku yang diulas ini merupakan satu karya dalam lapangan perbandingan agama, khususnya antara Islam dan agama Kristian yang bertujuan menjelaskan bahawa Nabi Isa al-Masih AS atau *Jesus Christ* ialah seorang Muslim dan membawa ajaran Islam. Dalam menghuraikan hal ini, penulis memberikan beberapa sudut pandang sebagai hujahan kepada topik beliau menerusi perbincangan mengenai kelahiran Nabi Isa AS, ajarannya, peristiwa penyaliban serta isu ketuhanan. Secara umumnya, buku ini terbahagi kepada enam bab yang membicarakan mengenai kelahiran *Jesus Christ* atau Isa al-Masih, kerasulannya, penyalibannya, ketuhanannya, trinit dan diakhiri dengan tesis buku ini mengenai agama *Jesus*.

Dalam halaman terawal yang memuatkan nota penerbit atau prakata dan juga pendahuluan didapati terdapat beberapa kenyataan yang meragukan. Ini termasuk pernyataan di dalam nota penerbit: “...*manakala Kitab Taurat asal diturunkan tidak sama dengan versi asal kerana dipercayai disunting, ditambah...*”. Ayat yang mengelirukan ini sewajarnya lebih tepat untuk dinyatakan dengan: “*tidak sama dengan versi yang terdapat dalam Bible pada masa kini*”.

Dalam pendahuluan juga terdapat pernyataan mengelirukan: “*Dalam akidah Islam, Jesus bukan pembawa agama Kristian, tetapi agama Nasrani*” dan juga “*Jelas ajaran Jesus, iaitu Nasrani tidak sama dengan ajaran agama Kristian yang dikembangkan oleh Paul...*”. Walaupun secara umumnya maksud dan tujuan kenyataan ini dapat difahami, namun pengistilahan yang diguna pakai dilihat bercanggah dengan pemahaman para ulama terdahulu sehingga ke hari ini. Dalam perbandingan agama, istilah ‘Nasrani’ dalam al-Qur’an merujuk kepada ‘Kristian’ yang diguna pakai pada hari ini. Tambahan sebaliknya, penulis juga dalam bab-bab berikutnya menyepadankan antara Nasrani dan Kristian.

Di samping itu, terdapat beberapa lagi pernyataan yang mengelirukan termasuk: “*Bible khususnya*

Perjanjian Baru, iaitu Gospel of Matthew, Gospel of Mark, Gospel of Luke dan Gospel of John, hanya kata-kata Jesus". Walaupun dapat difahami niat penulis yang ingin mengatakan ia dilihat sebagai bukan kalam Tuhan dan hanya kata-kata *Jesus*, namun pernyataan beliau seolah-olah menyandarkannya secara langsung kepada *Jesus*. Begitu juga halnya dengan pernyataan: "*Sedangkan menurut fahaman Kristian, Bible Perjanjian Baru ditulis oleh empat orang pengikut Nabi Isa, setaraf dengan Tanakh (Perjanjian Lama) dan al-Qur'an*" dan juga: "*Umat Islam percaya Bible yang diakui oleh gereja dan ditulis empat orang perekod (juga dikenali sebagai Gospel), iaitu Matthew, Mark, Luke dan John, bukan bersumberkan Jesus*", yang jelas menyandarkan hal ini kepada Sahabat dan pengikut besar Nabi Isa AS yang sudah tentu tidak wajar dikaitkan dengan segala penyelewengan yang berlaku.

Dalam menelusuri bab pertama, judul yang diguna pakai dilihat sebagai satu yang agak provokatif. Judul yang diberi nama '*Jesus anak hasil...*' kelihatannya kurang beradab dalam konteks adab kepada para Nabi, walaupun dapat diketahui bahawa penulis sebenarnya cuba menerangkan sebaliknya. Suatu hal yang menarik dalam bahagian ini ialah penulis juga cuba membuktikan secara saintifik bahawa boleh berlakunya kelahiran tanpa bapa pada *Jesus Christ* kerana wujud kelahiran secara *parthenogenesis* yang berlaku pada sesetengah haiwan dan tumbuhan. Hal ini walaupun dilihat dapat membantu mengukuhkan kepercayaan, namun dikhuatiri boleh menghakis kepercayaan akidah menurut *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* bahawa Tuhan boleh melakukan apa sahaja mengikut *iradah* (kehendak-Nya) dan juga mukjizat berlaku secara menarik adat.

Penulis meneruskan bab yang berikutnya mengenai kerasulan *Jesus* dengan menegaskan *Jesus* tidaklah melainkan hanya semata-mata sebagai Nabi dan Rasul. Dalam menceritakan mengenai kisah penyaliban di dalam bab yang ketiga, penulis sekali lagi menggunakan terma Kristian secara mengelirukan dengan menyatakan bahawa: "*Agama Kristian adalah agama ketika Jesus masih hidup manakala Islam, agama yang wujud selepas kematian Jesus*".

Beliau turut seolah-olah bersetuju dengan pandangan kebanyakan Kristian bahawa *Jesus* telah meninggal dunia. Ini dapat diperhatikan melalui kenyataan: "...*adalah Jesus pasti dihidupkan lagi ataupun rohnyanya diturunkan*". Istilah 'dihidupkan' yang

diguna pakai dilihat mengelirukan. Kecenderungan penulis dikuatkan lagi dengan pernyataan berikut: "*Oleh itu sekiranya ada sebahagian umat Islam yakin Jesus masih hidup secara fizikal di langit ataupun di syurga, jelas keimanan umat Islam itu perlu dipersoalkan...*". Meskipun terdapat segelintir sarjana Islam bersetuju dengan pendapat bahawa *Jesus* telah meninggal dunia, hakikatnya jumbuh ulama berpandangan Nabi Isa AS tidak mati dan akan diturunkan semula dengan ruh dan jasad pada akhir zaman serta manusia secara sunnatullahnya hanya hidup dan mati sekali sahaja, walaupun hakikatnya Tuhan boleh melakukan sebaliknya.

Dalam bab keempat dan kelima, penulis memberi huraian tentang pandangan Islam dan hujah-hujah bahawa *Jesus* bukanlah Tuhan, sebaliknya hanyalah manusia biasa yang menjadi Nabi dan Rasul. Hal ini dilanjutkan dalam bab seterusnya yang mengkritik doktrin Trinita Kristian yang menganggap *Jesus* sebagai Tuhan dan Anak Tuhan. Penulis mengakhiri perbincangan dalam bab terakhir dengan menyimpulkan bahawa *Jesus* adalah Muslim. Namun dalam bab ini, penulis turut mendakwa amalan bersunat bukan daripada ajaran Yahudi dan Taurat, walau pada hakikatnya hal ini jelas di dalam Taurat. Bahkan perintah ini sudah wujud lebih lama semasa zaman Nabi Ibrahim AS lagi sebagaimana diceritakan dalam sejarah para Nabi dan juga hadith-hadith mengenainya.

Secara umumnya, buku ini secara informatifnya adalah baik dan boleh membantu ke arah mengembangkan ilmu perbandingan agama, khususnya mengenai agama Islam dan Kristian. Namun, kekemasan penyampaian penulis dan intipati karya ini tidak digarap secara baik sehingga banyak kekeliruan termuat dalam buku ini. Tambahan pula, penggunaan banyak sumber *Bible* mungkin menghadkan kebolehan pembaca Muslim yang tidak biasa dengan *Bible* untuk memahami isi kandungan buku ini. Oleh kerana itu, pembaca Muslim yang kurang pengetahuan agama Islam dan juga ilmu perbandingan agama akan mudah terkeliru jika membaca buku ini. Di samping itu juga, kelihatan penguasaan penulis dalam bidang perbandingan agama dan hanya merujuk sumber-sumber bacaan atau rujukan yang dibaca atau ceramah serta program yang dihadiri secara tidak formal. Beliau sendiri juga tidak begitu mendalami agama Islam secara formal dan kelihatannya tidak merujuk serta mendapatkan nasihat atau pandangan pakar-pakar dalam bidang perbandingan agama.

Yusri Mohamad Ramli
Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
yusri_mr@ukm.edu.my